

30 SEP 1996

Skuasy - Wanita

PENYERTAAN KEJOHANAN DUNIA TAMBAH PENGALAMAN PEMAIN WANITA

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Empat pemain skuasy wanita kebangsaan boleh memperolehi lebih banyak pengalaman dan pendedahan dalam Kejohanan Skuasy Wanita Dunia Perrier '96, di Gelanggang Astaka di Petaling Jaya, dari 6 hingga 19 Okt ini.

Pengalaman mereka sangat berguna untuk persediaan pasukan negara menghadapi Sukan Komanwel 1998, kata pengarah kejohanan itu, Mark Toh, hari ini.

Bagaimanapun nama pemain negara yang menyertai kejohanan itu akan diumumkan kemudian, katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan sumbangan bagi menaja kejohanan itu, di Sri Pentas, di sini.

Replika cek bernilai RM50,000 sumbangan Adidas (Malaysia) Sdn Bhd disampaikan Pengarah Urusannya, Udo Eimer, kepada Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Mokhzani Mahathir dan Pengurus Besar Tiga Events Sdn Bhd, Rozhan Ruslan.

Persatuan Skuasy Malaysia (SRAM) dan Sistem Televisyen Malaysia Berhad (STMB), ialah penganjur bersama kejohanan itu dan ia ditaja oleh Adidas (Malaysia) Sdn Bhd.

Toh berkata kejohanan itu diadakan buat pertama kali di Malaysia dan menawarkan hadiah AS\$65,000 kepada pemenang.

Seramai 64 pemain wanita dari seluruh dunia akan menyertai kejohanan itu dan di antara mereka ialah 20 pemain wanita terkemuka dunia.

Toh berkata SRAM berusaha membawa lebih ramai pemain profesional sebagai rakan latihan bagi pasukan kebangsaan bagi membolehkan pemain negara mendalami teknik dan cara sukan itu. -- BERNAMA

MAN SLR NAK